

RAYUAN DARIPADA PENOLONG KANAN PENDAFTAR KEPADAHAKIM DALAM KAMAR

Mengikut Aturan 56 kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT 1980), rayuan terhadap apa-apa penghakiman, perintah dan keputusan Pendaftar hendaklah dibuat kepada Hakim dalam Kamar. Rayuan itu hendaklah dibuat dengan menyampaikan suatu notis dalam Borang 114 kepada tiap-tiap pihak lain dalam prosiding itu untuk hadir di hadapan Hakim pada hari yang dinyatakan dalam notis itu. Notis itu mestilah dikeluarkan dalam masa 5 hari selepas penghakiman, perintah atau keputusan itu diberi atau dibuat, dan ia mestilah disampaikan tidak kurang dari 2 hari genap sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran rayuan itu – peruntukan Aturan 56 kaedah 1 dan Borang 114 disertakan sebagai Lampiran A dan B.

Mengenai peruntukan ini, dalam Mallal's Supreme Court Practice, Edisi Kedua, Jilid 1, oleh Tan Sri Chang Min Tat dikatakan:

"Within 5 days after the judgment, order or decision: This rule provides that in an appeal from a Registrar to a Judge in Chambers not only must the notice be taken out within 5 days from the Registrar's decision but it must be made returnable for hearing before the Judge within this period. See *Bell v. The North Staffordshire Railway Co.* (1878-79) 4 Q.B.D. 205 and *Gibbons v. The London Financial Association* (1878-79) 4 C.P.D. 203. The primary responsibility rests with advocates and solicitors to ensure that the notice of appeal in such matters should not only be taken out but made returnable within the period of five days: *per Ribgy J.* in *Gooi Seang Tuck v. Tan Peng Loon & Anor.* [1959] M.L.J. 153, approved in *Hagemeyer Trading Co. (M) Sdn. Bhd. v. Gibson Trading Co.* [1978] 32 M.L.J. 71 F.C., but cf. *Lee Teck, Huat v. R. & B.I. Securities Sdn.* [1978] 1 M.L.J. 187. It has been suggested that the most suitable course for counsel to ensure that the notice of appeal is returnable within the period of five days would be to request the Registrar to include it in the list, if need be, only for mention."

Dengan hormat, saya berpendapat adalah tidak betul mengatakan bahawa "returnable date" itu mesti dalam tempoh 5 hari itu juga. Hal itu memang betul di bawah Aturan 54 kaedah 21 Rules of the Supreme Court 1957 yang mengatakan "... Such appeal shall be by notice in writing to attend before the Judge without a fresh summons, within five days after the decision complained of ..."

Peruntukan ini berbeza dengan peruntukan Aturan 56 kaedah 1 KMT 1980 yang Cuma menghendaki supaya notis itu dikeluarkan dalam masa 5 hari.

Oleh itu kes-kes *Gooi Seang Tuck v. Tan Peng Loon & Anor* [1959] 25 MLJ 153 DAN *Lee Teck Huat v. R & B I Securities Sdn.Bhd.* [1978] 1 MLJ 187 berkenaan “returnable date” itu tidak boleh dipakai lagi. Untuk perbincangan mengenai perkara ini lihat *Public Feedmill (M) Sdn. Bhd. (in liquidation) v. Hai Yeu Hin* [1994] 2 MLJ 34 (V.C. George H.).

Walau bagaimanapun Aturan 56 masih menghendaki notis dalam Borang 114 itu dikeluarkan dalam masa 5 hari dan notis itu hendaklah menyebut tarikh pendengarannya. Bahagian yang menyebut tarikh pendengaran itu perlu ditandatangani oleh Penolong Kanan Pendaftar.

Mengikut amalan hari ini, peguam perayu memfail Borang 114 itu dalam masa 5 hari. Penolong Kanan Pendaftar akan mengisi tarikh pendengaran dan menandatanganinya kemudian. Selepas itu, salinan Borang itu dikembalikan untuk disampaikan kepada pihak menentang.

Amalan ini nampaknya berjalan dengan baik.

Rayuan itu, walau pun ianya satu rayuan, didengar semula sepenuhnya oleh Hakim dalam Kamar seolah-olah ia didengar buat kali pertama.

Ini dijelaskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Seloga Jaya Sdn. Bhd.v. Pembinaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd.* [1994] 2 MLJ 97:

“Held, allowing the appeal and referring the matter to arbitration:

- (1) In an appeal from a discretionary order of the SAR to a judge-in-chambers, the judge should exercise his own discretion as though the matter was made before him for the first time, unfettered by the previous exercise of the SAR’s discretion. The judge should give the decision the weight it deserves and since the SAR gave only a bare decision or a simple *ipse dixit*, and not a judgment, it deserved no weight at all. Yet the judge gave some weight to the decision of the SAR. Furthermore, although the matter before the judge was in form an appeal, it took the shape and style of a rehearing. The judge was therefore wrong in treating the matter as an appeal and by taking the approach that he was not exercising an independent discretion of exercise of his discretion and

could not interfere with it merely on the ground that he would have exercised it differently."

Dulu, ini membangkitkan masalah kerana selepas permohonan atau petisyen (kebankrapan, misalnya) didengar dan diputuskan oleh Penolong Kanan Pendaftar, ada pihak yang memfail afidavit-afidavit baru. Masalah ini telah diatasi oleh pindaan yang memasukkan kaedah (3A).

Tetapi, ada satu masalah lain yang masih timbul. Ada peguam yang cuba membangkitkan alasan-alasan baru yang sebelumnya tidak dibangkitkan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar. Tanpa alasan penghakiman adalah sukar bagi Hakim memastikan sama ada ia alasan baru atau bukan.

Jika ia satu alasan baru, patutkah ia benar supaya dibangkitkan? Jika mereka bebas membangkitkan alasan-alasan baru untuk apa ia didengar oleh Penolong Kanan Pendaftar terlebih dahulu? Mengapa ia dipanggil rayuan?

Kedudukan sekarang ini ialah hendak dikatakan ia rayuan, ia pendengaran buat kali pertama. Hendak dikatakan ia pendengaran buat kali pertama, ia rayuan.

Dulu, apabila terdapat rayuan seperti itu, Penolong Kanan Pendaftar menulis alasan penghakimannya. Sekarang tidak lagi. Ini menimbulkan beberapa masalah.

Pertama, oleh sebab perkara itu didengar semula sepenuhnya, ada kalanya peguam-peguam kurang mengambil berat untuk membuat persediaan secukupnya semasa berhujah di hadapan Penolong Kanan Pendaftar. Sampai dihadapan Hakim, dia hendak membangkitkan alasan baru pula. Maka timbulah perbalahan. Tanpa alasan penghakiman, sukar hendak dipastikan sama ada itu alasan baru atau tidak.

Juga tanpa alasan penghakiman Hakim tidak tahu apa isu yang ditimbangkan oleh Penolong Kanan Pendaftar dan apa keputusannya mengenainya.

Selain dari itu, jika Penolong Kanan Pendaftar dikehendaki menulis alasan penghakiman, mereka juga akan lebih teliti semasa mendengar permohonan itu dan membuat keputusan. Ia juga akan memberi latihan yang berguna kepada Penolong Kanan Pendaftar.

Tekanan kerja tidak boleh menjadi alasan. Saya bertanya seorang pegawai saya yang pernah menjadi Majistret dan Penolong Kanan Pendaftar di sini. Sebagai Majistret dia membicarakan kes-kes setiap hari. Sebagai Penolong Kanan Pendaftar cuma 2 hari seminggu. Sebagai Majistret dia menerima lebih banyak rayuan terhadap keputusannya berbanding semasa dia menjadi Penolong Kanan Pendaftar.

Kesimpulannya, saya ingin mencadangkan supaya Penolong Kanan Pendaftar menulis alasan penghakiman mereka apabila terdapat rayuan terhadap keputusan mereka.

Saya juga ingin dibincangkan –

- (a) Sama ada rayuan kepada Hakim dalam Kamar hendak disifatkan sebagai rayuan atau perbicaraan buat kali pertama.
- (b) sama ada nota prosiding di hadapan Penolong Kanan Pendaftar hendak ditaip atau tidak.

31.12.1997
(Given date)

(Dato' Abdul Hamid bin Hj. Mohamed)
Hakim
Mahkamah Tinggi
Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

ORDER 56
APPEALS FROM REGISTRAR AND JUDGE

1. (1) An appeal shall lie to a Judge in Chambers from any judgment, order or decision of the Registrar.

(2) The appeal shall be brought by serving on every other party to the proceedings in which the judgement, order or decision was made or made a notice in Form 114 to attend before the Judge on a day specified in the notice.

(3) Unless the Court otherwise order, the notice must be issued within 5 days after the judgment order or decision appealed against was given or made and served not less than 2 clear days before the day fixed for hearing the appeal.

(3A) At the hearing of the appeal fresh evidence shall not be admitted unless the Judge is satisfied that:-

- (a) at the hearing before the Registrar the new evidence was not available to the party seeking to use it, or that reasonable diligence would not have made it so available; and
- (b) the fresh evidence, if true, would have had or would have had a determining influence upon the decision of the Registrar.

LAMPIRAN B

No. 114

NOTICE OF APPEAL TO JUDGE IN CHAMBERS
(Title as in action)

Take notice, that the abovenamed plaintiff (or defendant) intends to appeal against the decision of the Registrar given on the day of, 19.... Ordering (or refusing to order) (state in full the order appealed against).

Dated the day of, 19....

.....
Solicitor for

And further take notice, that you are required to attend before the Judge in Chambers on, the day of, 19.... Atm., on the hearing of an application by the said plaintiff (or defendant), that (state the order sought to be obtained).

Dated the day of, 19....

(Seal)

.....
Registrar

To: